

29/12/2000

Pemimpin pembangkang perlu berfikiran terbuka

MUAR, Khamis - Pemimpin Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) digesa mengetepikan kepentingan dan ideologi politik masing-masing bagi memastikan ketuanan Melayu tidak digugat, terutama oleh kuasa asing.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pemimpin pembangkang itu sebaliknya harus berfikiran terbuka dan bersikap positif terhadap usaha untuk mengukuhkan perpaduan Melayu.

Katanya, mereka tidak seharusnya mengungkit perkara lama yang boleh mengeruhkan lagi keadaan selepas usaha ke arahnya disambut baik Presiden Umno sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Selaku pemimpin parti berteraskan Melayu, mereka harus melihat bahawa usaha ini disuarakan selepas perpecahan orang Melayu begitu ketara kerana perbezaan ideologi dan kefahaman politik.

"Penyatuan semula orang Melayu di negara ini amat penting," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediamannya di Jalan Timbalan, di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latif Ahmad; Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Dr Chua Soi Lek.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata perpaduan bangsa sangat penting bagi mengelak ketuanan Melayu di negara sendiri terhakis.

"Mereka (kuasa asing) memang mahu kita berpecah kerana ia akan turut menyebabkan kaum lain berasa bahangnya dan memudahkan mereka menidakan ketuanan Melayu di negara ini," katanya.

Beliau bersetuju jika pertemuan pemimpin parti Melayu menjurus kepada kepentingan negara keseluruhannya walaupun tumpuan diberi terhadap penyatuan semula orang Melayu.

"Saya fikir suasana sekarang memang sesuai untuk pertemuan membincangkan perpaduan Melayu, lebih-lebih lagi pada bulan kita merayakan sambutan Aidilfitri sebagai tanda kemenangan selepas sebulan berpuasa.

"Bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah niat terhadap usaha yang hendak dilakukan itu, sama ada ia benar-benar untuk kebaikan," katanya.

(END)